



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

SEMPENA

PENYAMPAIAN AMANAT KETUA SETIAUSAHA (KSU)

KEPADA

**PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
DI BAWAH KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) TAHUN 2021**

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato' Indera/ Tuan/ Puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita semua diberi kesihatan dan kekuatan untuk terus bekerja dan berbakti kepada Negara di tahun 2021. Saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan penghargaan terima kasih kepada semua warga kerja KDN dan agensi di atas komitmen dan kerja keras di sepanjang tahun 2020.
2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato' Indera/ Tuan/ Puan sedia maklum, penganjuran Majlis Penyampaian Amanat KSU bersama PTJ di bawah KDN merupakan platform kepada Pegawai Pengawal untuk menyampaikan amanat dan nasihat kepada para pegawai di PTJ agar memastikan pengurusan dan operasi di agensi dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur selaras dengan peraturan perolehan dan kewangan yang sedang berkuat kuasa.
3. Mulai tahun 2018 sehingga tahun 2020, Majlis Penyampaian Amanat KSU bersama PTJ di bawah KDN telah diadakan di Ibu Pejabat KDN Putrajaya dan dihadiri oleh wakil-wakil PTJ seluruh negara. Bagi tahun 2021, penyampaian Amanat KSU bersama PTJ di bawah KDN diteruskan dengan pendekatan yang berbeza tanpa bersemuka sebagaimana lazimnya.

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato' Indera/ Tuan/ Puan

BELANJAWAN 2021

4. Dalam Belanjawan 2021, Kerajaan telah menyediakan peruntukan keseluruhan berjumlah RM16,854,271,400.00 (RM16.85 bilion) kepada KDN yang merangkumi:

- (i) Pertama, Perbelanjaan Mengurus (OE) di bawah B.62-KDN sebanyak RM13,693,895,800 (RM13.69 bilion);
 - (ii) Kedua, Perbelanjaan Pembangunan (DE) di bawah P.62-KDN sebanyak RM3,158,496,800 (RM3.16 bilion); dan
 - (iii) Ketiga, Peruntukan Tanggungan (T.11-Suruhanjaya Pasukan Polis) sebanyak RM1,878,800 (RM1.88 juta).
5. Peruntukan ini adalah menurun sebanyak 0.46% atau RM76.17 juta berbanding peruntukan pada tahun 2020 sebanyak RM16.93 bilion. Sehubungan itu, peruntukan ini perlu dibelanjakan secara optimum dan efektif, dengan mengamalkan perbelanjaan kewangan berasaskan keberhasilan (*outcome based budgeting*) serta dimanfaatkan sebaik mungkin agar pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Penyaluran Waran Peruntukan Perbelanjaan Mengurus (OE)

6. Kementerian telah menetapkan penyaluran waran peruntukan OE melalui dua (2) peringkat, iaitu pertama pada awal bulan Januari 2021 dan kedua, pada bulan September 2021. Bagi peringkat pertama, sebanyak 80 peratus daripada peruntukan di bawah Dasar Sedia Ada (DSA) telah disalurkan. Manakala baki sebanyak 20 peratus akan disalurkan berdasarkan prestasi perbelanjaan Jabatan.
7. Penyaluran peruntukan bagi Program Khusus pula akan dibuat secara berasingan berdasarkan keperluan. Ini bagi memastikan peruntukan tersebut dibelanjakan dan dipantau secara holistik berdasarkan program yang diluluskan. Manakala, baki peruntukan akan dipertimbangkan dan disalurkan berdasarkan prestasi perbelanjaan semasa dan mengikut keutamaan perbelanjaan.

Perbelanjaan Pembangunan (DE)

8. Dalam usaha mengekalkan dan menjamin keselamatan dalam negara, Peruntukan Pembangunan (DE) sebanyak RM3,158,496,800 (RM3.16 bilion) yang diperolehi akan digunakan bagi membiayai projek-projek baharu bernilai RM1.44 bilion dan projek-projek sambungan bernilai RM1.72 bilion.
9. Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 di bawah *Rolling Plan 1* (RP-1), terdapat 54 projek baharu dan 176 projek sambungan yang telah diluluskan yang mana terdiri daripada 134 projek fizikal dan 96 projek bukan fizikal. Jumlah ini membuktikan bahawa KDN amat komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat Malaysia.

Pengemaskinian SPP II dan penilaian *outcome*

10. Sehubungan itu, Ketua Jabatan dan PTJ hendaklah memainkan peranan utama dalam memastikan Sistem Pemantauan Projek (SPP) II sentiasa diselia dan dikemas kini. Kesemua maklumat projek merangkumi siling, peruntukan tahunan, tambahan atau kurangan siling peruntukan tahunan dan perbelanjaan setiap tahun diisi sepenuhnya dengan tepat.
11. Ketua Jabatan dan PTJ juga hendaklah memastikan penilaian *outcome* dilaksanakan bagi semua projek yang telah siap sepenuhnya agar keberkesanan projek kepada golongan sasaran dapat dinilai selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012 mengenai 'Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program dan Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*'.

PENGURUSAN PEROLEHAN

12. Berhubung aspek perolehan, Ketua Jabatan dan PTJ dikehendaki memastikan, semua urusan berkaitan perolehan Kerajaan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan kerajaan iaitu akauntabiliti awam, telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil

dan saksama. Permohonan tender beserta dengan dokumen spesifikasi bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan perlu diselesaikan dan dimuktamadkan segera pada awal tahun, supaya pelaksanaan perolehan dapat dilaksanakan pada suku pertama tahun semasa dan mengikut jadual yang ditetapkan. Dalam hal ini, perancangan tahunan (*annual planning*) dan perancangan awal (*forward planning*) hendaklah dibuat bagi sebut harga dan tender-tender yang hendak dipelawa dalam satu-satu tahun.

Pembaharuan kontrak / tender semula

13. Selain itu, kontrak-kontrak semasa yang perlu diperbaharui atau ditender semula perlu dilaksanakan selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum tarikh tamat kontrak semasa supaya segala urusan perolehan dapat diselesaikan tanpa menjejaskan kerja-kerja pembekalan atau perkhidmatan sedia ada. Oleh yang demikian, Ketua Jabatan dan PTJ hendaklah memantau kontrak bermasa di PTJ masing-masing dan mengambil tindakan sebelum kontrak tamat. Kementerian ingin menegaskan bahawa jika tempoh berkenaan tidak dipatuhi, Ketua Jabatan dan PTJ adalah bertanggungjawab ke atas sebarang implikasi yang berlaku.

Penggunaan Sistem ePerolehan

14. Selaras dengan penggunaan sepenuhnya Sistem ePerolehan (eP) dalam urusan perolehan, semua pegawai terlibat di PTJ hendaklah mahir dalam menggunakan sistem tersebut supaya urusan perolehan tidak terganggu atau menghadapi sebarang masalah. Sekiranya terdapat sebarang masalah berhubung penggunaan sistem ePerolehan (eP), ianya hendaklah dirujuk kepada pihak Commerce Dot Com (CDC) atau Kementerian Kewangan (MOF) dengan kadar segera bagi memastikan urusan perolehan dan pembayaran dapat dilaksanakan pada tahun semasa serta dapat mengelakkan pembayaran dilaksanakan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58 (a).

Permohonan kelulusan khas MOF melalui Pegawai Pengawal

15. Pihak PTJ juga diingatkan supaya mengemukakan permohonan kelulusan khas atau pengecualian berkaitan perolehan termasuk sistem eP kepada pihak Kementerian melalui Ibu Pejabat Jabatan dan Agensi masing-masing untuk kelulusan Pegawai Pengawal sebelum dipanjangkan ke Kementerian Kewangan. Arahan ini adalah selaras dengan teguran daripada Kementerian Kewangan di mana terdapat PTJ yang mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan tanpa melalui Pegawai Pengawal.

Perluasan proses perolehan tender sehingga RM5 juta kepada Agensi

16. Selain itu, Kementerian berhasrat untuk memperluaskan proses perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan secara tender bernilai RM5 juta dan ke bawah di bawah Perbelanjaan Mengurus (OE) kepada semua Jabatan / Agensi selaras dengan prinsip '*let managers manage*' dan '*responsibility sharing*'. Perolehan tersebut akan dilaksanakan di Ibu Pejabat setiap Jabatan dan Agensi. Pihak Kementerian berharap, perluasan proses perolehan tersebut dapat dilaksanakan bagi membantu mempercepatkan proses perolehan di KDN.

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Tuan/ Puan

PENGURUSAN PERAKAUNAN

17. KDN kini sedang dalam proses penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020. Peningkatan kecekapan serta kerjasama yang jitu daripada 338 PTJ dan 778 Pejabat Pemungut di seluruh Malaysia membolehkan Penyata Kewangan ini akan dapat dikeluarkan dengan jayanya sebagaimana tahun sebelumnya.

Peningkatan kaedah e-Pembayaran

18. KDN juga menyambut baik seruan Kerajaan dalam merealisasikan matlamat untuk membudayakan *cashless society* di Sektor Awam bagi

meningkatkan kecekapan pengurusan hasil Kerajaan dan mengurangkan risiko kehilangan tunai. Selaras dengan Pelan Strategik e-Pembayaran Sektor Awam, ketua jabatan dan agensi hendaklah meningkatkan pelaksanaan kaedah e-Pembayaran dan berusaha melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi mencapai hasrat ini.

PENGURUSAN ASET

19. Berhubung aspek pengurusan aset, Ketua Jabatan dan PTJ perlu memastikan semua aset diuruskan dengan cekap dan berkesan selaras dengan peraturan pengurusan aset yang berkuat kuasa. Aset yang diterima hendaklah didaftarkan segera dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Pendaftaran aset amat penting bagi mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan kemaskini. Selain itu, pendaftaran aset yang teratur dapat memudahkan urusan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset terbabit. Manakala, bagi aset-aset yang disahkan tidak lagi ekonomik untuk digunapakai, hendaklah dilupuskan mengikut peraturan yang ditetapkan.
20. Ketua Jabatan dan PTJ juga diingatkan untuk memastikan prestasi stor diuruskan dengan baik dan mencapai kadar pusingan tertinggi serta dapat memenuhi keperluan pengguna. Kadar pusingan stok hendaklah dibuat pengiraan secara tahunan mengikut jumlah nilai stok dan semua stor hendaklah mencapai kadar pusingan stok tahunan sekurang-kurangnya empat (4) kadar pusingan.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pelan Operasi Latihan (POL) Tahun 2021

21. Pelaksanaan Pelan Operasi Latihan (POL) Tahun 2021 dengan tema "Sinergi Pembangunan Modal Insan di bawah Norma Baharu" akan dilaksanakan melalui Penggunaan Teknologi Optimum, termasuk saluran media sosial sebagai medium latihan, pelaksanaan latihan secara blended approach, sesi "pitching" dan sesi ice-breaking. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan warga kerja seliaan masing-

masing untuk hadir berkursus sekurang-kurangnya tiga (3) hari dalam setahun.

PENGURUSAN PENGAUDITAN

22. Sepanjang tahun 2020, Bahagian Audit Dalam KDN telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan dan aktiviti atau program melibatkan 108 PTJ, Pusat Kos dan Pejabat Pemungut.
23. Merujuk kepada pelbagai penemuan Audit yang telah dibangkitkan, saya mendapati masih banyak berlaku ketidakpatuhan, antaranya yang berisiko tinggi seperti pengasingan tugas, penurunan kuasa, pengurusan kenderaan serta penggunaan kad inden minyak dan Touch 'N' Go.

Pemantauan Melalui Sistem Dashboard Audit Dalam (DASHAD)

24. Pada tahun 2021, Bahagian Audit Dalam KDN membangun dan melaksanakan sistem Dashboard Audit Dalam (DASHAD) yang mana akan menjadi mekanisme pemantauan terhadap tindakan PTJ ke arah tadbir urus yang lebih baik. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap laporan Audit Dalam yang dikeluarkan akan disusul oleh Bahagian Audit Dalam KDN serta dipantau oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian melalui dashboard ini. Latihan penggunaan sistem kepada PTJ yang terlibat akan dijalankan sepanjang tahun 2021 secara berfasa.

Pengauditan sendiri melalui Sistem FIRM

25. Pengauditan sendiri melalui Sistem FIRM (*Financial Management Indeks Reporting System*) akan diteruskan dan dijangka bermula pada bulan Mac 2021. Semua Ketua PTJ bertanggungjawab menjalankan audit sendiri melalui Sistem FIRM dan menilai prestasi pengurusan kewangan masing-masing. Penilaian perlu dibuat dengan telus dan sebarang kesilapan diperbetulkan segera sebelum Bahagian Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan di pejabat tuan-tuan.

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato' Indera/ Tuan/ Puan

PENGUKUHAN INTEGRITI

26. KDN menekankan pentingnya warga KDN dan agensi di bawahnya untuk menolak rasuah. Laporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Unit Integriti (UI), KDN jika menerima tawaran rasuah. Maklumat pelapor akan dirahsiakan dan diberi jaminan bahawa semua butiran yang diberikan kepada pihak berkuasa akan dilindungi dan hak keselamatan mereka terjaga selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2020 – 2024 KDN

27. KDN juga telah membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi / *Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)* yang merupakan salah satu pelan yang berperanan mengenal pasti punca kepada berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan berhubung dengan amalan, sistem dan tatacara kerja. Ini disusuli penambahbaikan supaya pindaan sewajarnya dibuat ke atas amalan, sistem dan tatacara berkenaan supaya perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dapat dikekang.
28. Pelancaran Buku *OACP* telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri Dalam Negeri pada 5 November 2020 yang mana pelbagai elemen pengajaran diselitkan di dalamnya dengan intipati nasihat yang terpilih serta boleh menjadi rujukan kepada warga KDN agar mereka benar-benar memahami aspek pematuhan diri dalam tugas masing-masing.

PELAN STRATEGIK KDN 2021 – 2025

29. KDN juga telah merangka Pelan Strategik KDN Lima Tahun (PSKDN2025) demi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terus mampan. Pelan ini merupakan pelan yang komprehensif dan holistik yang mengkonsolidasikan fungsi dan peranan KDN serta

semua agensi di bawahnya secara lebih berfokus dan berpaksikan kepada aspirasi negara. Pelan strategik ini merupakan dokumen yang menjadi rujukan dan panduan utama kepada KDN serta agensi di bawahnya mulai tahun ini sehingga 2025.

30. Pelan strategik ini juga telah menggariskan empat (4) Teras Strategik yang bertujuan memenuhi pelbagai keperluan keselamatan dalam negara secara menyeluruh, iaitu:
 - (a) Teras 1: Memperkukuhkan keselamatan dan ketenteraman awam;
 - (b) Teras 2: Memperkasa kawalan sempadan, maritim dan membanteras jenayah rentas sempadan;
 - (c) Teras 3: Membanteras gejala dadah dan substans; dan
 - (d) Teras 4: Mentransformasi institusi dan sistem penyampaian perkhidmatan.

ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL BILANGAN 1 TAHUN 2021

31. Bagi mendukung aspirasi Pelan Stategik KDN 2025 dan penghayatan aspek pematuhan diri sejajar Pelan Antirasuah Organisasi, KDN juga telah mengeluarkan Arahan Pegawai Pengawal Kementerian Dalam Negeri Bilangan 1 Tahun 2021 (APP KDN Bil. 1/2021). Arahan Pegawai Pengawal merupakan panduan bersifat kawalan dalaman berdasarkan peraturan-peraturan berkaitan pengurusan kewangan merangkumi aspek perbelanjaan, perakaunan, perolehan, pengurusan aset, sumber manusia dan pengauditan yang sedang berkuat kuasa.
32. APP KDN Bilangan 1 Tahun 2021 berfungsi sebagai dokumen rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan tadbir urus dengan lebih cekap, berkesan dan berintegriti. Dokumen ini boleh diperolehi atau diakses melalui laman web rasmi KDN.

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SEMASA TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

33. Sehubungan itu, saya berharap agar semua ketua jabatan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan berkaitan pengurusan kewangan yang sedang berkuat kuasa dan cakna dengan sebarang perubahan prosedur kewangan dari semasa ke semasa di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan perlu terus dilaksanakan meskipun berdepan dengan norma baharu dalam persekitaran kerja susulan pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi membendung penularan wabak Coronavirus (COVID-19).

PENUTUP

YBhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato' Indera/Tuan/ Puan

34. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru dan mengajak seluruh warga KDN agar bersama-sama bekerja pada tahun 2021 dengan lebih komited, bersemangat dan berdedikasi dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran khususnya pandemik COVID-19 dan bencana alam. *KDN-Together We Are One*. Semoga dengan komitmen dan kesungguhan kita semua akan memastikan kesejahteraan rakyat terpelihara dan mengekalkan keamanan negara.
35. Akhir kata, mudah-mudahan apa yang saya telah sampaikan sebentar tadi dapat menjelaskan tentang harapan Kerajaan terhadap anggota Perkhidmatan Awam amnya dan warga KDN khususnya dalam memberikan perkhidmatan yang sehabis baik kepada rakyat keseluruhannya.

Sekian, Wabillahittaufik Wal Hidayah,
Wassalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh.